



# *Seminar* **120 TAHUN** **MAJLIS RAJA-RAJA MELAYU**

**19 September 2017, 8.00 pagi - 4.30 petang**  
**Bilik Senat, Aras 5, Canselor, UKM**

**Penganjur: Persatuan Sejarah Malaysia & Universiti Kebangsaan Malaysia**  
**Dengan kerjasama: Pejabat Penyimpan Mотор Besar Raja-raja Malaysia**

## CABARAN INSTITUSI RAJA-RAJA MELAYU DALAM ZAMAN PENTADBIRAN BRITISH

Prof. Madya Dr. Mohd Samsudin  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
moss@ukm.edu.my

### ABSTRAK

Kedatangan kuasa British ke Negeri-Negeri Melayu yang bermula dengan pendudukan Francis Light di Pulau Pinang adalah merupakan cabaran besar kepada institusi Raja-Raja Melayu. Kedudukan Raja-Raja Melayu dari segi kuasa dan kedaulatan mula menghadapi cabaran dengan bermulanya Sistem Residen yang mula diperkenalkan di Perak pada tahun 1874. Semenjak daripada itu Residen bertindak sebagai pentadbir penting yang menjalankan segala urusan negeri. Pembentukan Persekutuan membina sebuah sistem dengan peranan utama dijalankan oleh Residen Jeneral dan kemudiannya dipanggil Pesuruhjaya Tinggi British. Selepas Perang Dunia Kedua, sekali lagi kedudukan Institusi Raja-Raja Melayu mengalami cabaran besar dengan rancangan *Malayan Union*. Seterusnya penubuhan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1948, memperlihatkan sekali lagi kedudukan institusi Raja-Raja Melayu menjadi perkara utama pihak British. Soal kemerdekaan memberi tumpuan kepada kedudukan Raja-Raja Melayu dalam sebuah negara merdeka yang diinstitusikan menjadi tunggak utama dalam sistem pemerintahan negara. Perkembangan sejarah negara melakarkan perjalanan dan pengalaman penuh cabaran yang dilalui oleh institusi Raja-Raja Melayu. Kertas ini akan membincangkan perjalanan cabaran yang dilalui oleh institusi Raja-Raja sewaktu zaman pentadbiran British. Fokus utama ialah dasar-dasar pentadbiran British yang memberi kesan terhadap kedudukan institusi Raja Melayu serta tindakbalas tempatan bagi mengekalkan kedudukan dan kedaulatan institusi utama ini.

### PENGENALAN

*'(T)he loyalty and support ... of the Malay Rulers has been in the past a valuable asset and may well be equally valuable in the future'.<sup>1</sup>*

Ini adalah gambaran yang diberikan oleh seorang pegawai kolonial pada tahun 1928 menerangkan mengenai kedudukan dan kepentingan Raja-Raja Melayu. Campurtangan pihak British ke negeri-negeri Melayu bermula dengan Perjanjian Pangkor pada 20 Januari 1874 yang ditandatangani antara Raja Abdullah dan Andrew Clarke. Melalui perjanjian ini, Raja Abdullah bersetuju menerima seorang pegawai British yang dikenali sebagai Residen untuk membantu dalam semua perkara kecuali hal ehwal agama Islam dan adat istiadat Melayu. Sistem pentadbiran British ini dikenali sebagai sistem Residen yang kemudiannya diperluaskan ke Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan. Bagi mengekalkan kedatangan mereka, pegawai British berdamping rapat dengan Sultan dengan menggunakan nama baginda dalam melaksanakan semua perkara berkaitan pentadbiran dan kewangan. Contohnya dalam hal ehwal pungutan cukai, pegawai British menggunakan nama sultan bagi menghalalkan tindakan mereka mengutip cukai. Jelasnya 'Ruling through the Sultans in this way' sebagaimana yang dinyatakan oleh Cheah Boon Kheng akan 'facilitated both Malay

<sup>1</sup> CO717/61 Minute by H. Beckett, 13 August 1928, no 52445/1928, Public Record Office; Simon C. Smith (1994) *The Rise, decline and survival of the Malay rulers during the colonial period, 1874-1957, The Journal of Imperial and Commonwealth History*, 22:1, h. 85.

co-operation with Britain and the preservation of Malay society during a period of large-scale immigration from China and India'.<sup>2</sup>

Sejak awal kedatangan pihak British ke Alam Melayu, mereka berhubung dengan Raja-Raja Melayu. Hubungan awal British ke Alam Melayu di antara 1750 dan 1820 adalah dalam bentuk perdagangan dan politik. Untuk berhubung dalam bidang perdagangan syarikat *East India Company* (EIC) mengadakan hubungan dengan Raja-Raja Melayu dan menjaga kedudukan hubungan agar sentiasa baik. Raja-Raja Melayu amat diperlukan bagi membolehkan pihak British masuk ke negeri-negeri Melayu dan yang pentingnya menjalankan perdagangan. Permulaan hubungan adalah dengan surat-surat yang dihantar oleh pedagang mewakili EIC kepada Raja-Raja Melayu.<sup>3</sup> British mula meletakkan penguasaan ke Malaysia dengan pertapakan Francis Light, kakitangan East India Company ke Pulau Pinang pada tahun 1786. Walaupun ramai yang mengatakan bahawa penguasaan British ke atas Pulau Pinang adalah untuk mendapatkan bekalan makanan dan air bersih serta berlindung daripada angin monson tetapi sebenarnya tujuan British adalah lebih kepada kepentingan strategik dan ekonomi. Pulau Pinang diperlukan bagi menjadi pelabuhan bagi tentera laut British menghalang kekuatan tentera laut Perancis di Lautan Hindi serta menjadi pusat pengumpulan hasil bagi kapal dagang di antara India dan China.<sup>4</sup> Penguasaan British diperluas ke Seberang Prai (British memanggilnya Province Wellesley) pada 1800. Seterusnya British menguasai Singapura pada tahun 1819 dan lima tahun kemudiannya British menguasai Melaka. Kesemua wilayah ini diletakkan dibawah Negeri-Negeri Selat pada tahun 1826 dibawah pentadbiran EIC. Sehingga tahun 1874 dasar British ke atas negeri-negeri Melayu ialah berbentuk tidak campurtangan.

Kerajaan British amat berhati-hati untuk campurtangan di negeri-negeri Melayu. Pejabat Kolonial seringkali mengingatkan wakil-wakil mereka agar 'that the Residents were to be introduced with the consent of the native rules' tetapi syarat ini tidaklah sukar dilakukan.<sup>5</sup> Di Perak, Raja Abdullah menjadi 'key to the door' campurtangan British ke Negeri-Negeri Melayu apabila baginda menulis kepada Gabenor menawarkan kesudian menerima Residen sebagai pertukaran pengiktirafan Britain mengiktiraf baginda.

Apa yang berlaku selepas 1874 menyaksikan campurtangan British ke negeri-negeri Melayu dilakukan dengan pelbagai cara. Kaedah ini nyata amat berbeza berbanding dengan pihak Belanda yang melakukan peperangan di Aceh dan kepulauan Indonesia yang lain. Setahun sebelum Perjanjian Pangkor, Belanda menyerang Aceh dan Tuanku Mahmud Syah, Sultan Aceh mempertahankan kerajaan mereka dalam salah satu perang yang paling lama dan memakan korban ramai dalam sejarah penjajahan Belanda di Indonesia (1873-1904). Perang berlaku atas peranan yang dimainkan oleh raja Aceh mempertahankan

<sup>2</sup> Cheah Boon Kheng, *Red Star Over Malaya: Resistance and Social Conflict During and After the Japanese Occupation, 1941-1946* (Singapore, 1983), h. 4.

<sup>3</sup> Gallop, A. T. (1994). The legacy of the Malay letter. Warisan warkah Melayu. With an essay by EU Kratz. *London: British Library for the National Archives of Malaysia*, 105; W.G. Miller, English Country Traders and Their Relations with Malay Rulers in the Late Eighteenth Century, *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, Vol. 84, 1, hal. 32

<sup>4</sup> Yeo Kim Wah, *British Policy towards the Malays in the Federated Malay States, 1920-40*, Ph.D Thesis Australian National University; John Bastin, (1954). Raffles and British Policy in the Indian Archipelago, 1811-1816. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 27(1 (165), 84-119. 1970; Ahmat Adam. (2009). *Letters of Sincerity: The Raffles Collection of Malay Letters (1780-1824), A Descriptive Account with Notes and Translation*. Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society.

<sup>5</sup> E. Sadka, *The Residential System in the Protected Malay States, 1874-1895*, Thesis PhD, Australian National University, December 1960, h. 77.

kerajaannya. Dalam masa yang sama, 'colonial powers were not able to start diplomatic negotiations with an Achenese government to solve conflicts'.<sup>6</sup>

Usaha campurtangan dalam pentadbiran negeri-negeri Melayu yang akhirnya membawa kepada penguasaan mereka dalam urusan pentadbiran dan perundangan. Penempatan pentadbiran British dibuat melalui perjanjian dengan Raja-Raja atau pembesar Melayu di setiap negeri. Bagaimanapun ianya hanyalah suatu helah atau alasan yang digunakan bagi mewajarkan campurtangan walaupun kaedah ini adalah bertentangan dengan kesahan perundangan. British menggunakan rangka undang-undang yang tidak nyata asasnya ke atas Raja-Raja Melayu. Tumpuan adalah di negeri-negeri yang mempunyai kekayaan sumber bahan mentah bijih timah iaitu Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang.

Langkah awal British untuk menguasai negeri-negeri Melayu adalah tempang. Irama yang dibawa adalah sunbang. Tanpa ada pengalaman mereka membuat keputusan urusan pentadbiran tanpa merujuk kepada pembesar Perak. Kehadiran British tidak diterima oleh penduduk tempatan di Perak mengakibatkan pembunuhan ke atas JWW Birch, Residen Pertama di Perak. Antara mereka yang terlibat ialah Sultan Abdullah, Menteri Ngah Ibrahim, Dato' laksamana Wan Muhammad Amin, Syahbandar Uda Mahamor, Dato' Maharaja Lela Pandak Lam dan Dato Sagor Ngah Kamdin.<sup>7</sup> Pembunuhan Birch menyebabkan pembesar Perak ditangkap dan dihukum. Sultan Perak iaitu Raja Abdullah telah dihantar ke Port Victoria, Pulau Seychelles setelah,

*The Executive Council of the Straits Settlements were fully satisfied of the guilt of the ex-Sultan, who, under the instructions of Lord Carnarvon, the then Secretary of State, was accordingly, after very careful consideration of all the circumstances, removed to the Seychelles.*<sup>8</sup>

Namun demikian ada di antara pegawai dan ahli Parlimen British yang tidak yakin dengan kesalahan yang dilakukan oleh Raja Abdullah. Francis Stevenson antara ahli parlimen British yang meragui kesalahan yang dilakukan oleh Raja Abdullah. Dalam perbahasan parlimen British pada tahun 1889 iaitu 12 tahun selepas hukuman yang dikenakan ke atas Raja Abdullah, Stevenson telah mempersoalkan. Antara lain Stevenson mempersoal apakah kewajaran pihak British menghantar Raja Abdullah tinggal dalam buangan di Port Victoria, Pulau Seychelles walaupun dibenar melawat Mauritius dalam waktu singkat adalah satu tindakan yang mengikut undang-undang, 'although, at his trial, no evidence was adduced to show that he was implicated, either directly or indirectly, in the murder of Mr. Birch'. Walaupun Raja Abdullah berkali-kali mengaku beliau tidak bersalah terhadap tuduhan ke atas beliau dan usaha Raja Abdullah untuk pergi ke England dengan biaya sendiri bagi membentangkan hujah tetapi 'but his request has been refused'.<sup>9</sup>

Raja Abdullah telah membantu kerajaan Britain menzahirkan Perjanjian Pangkor pada tahun 1874 yang memberi kesan besar dalam sejarah penjajahan dengan pertapakan British ke atas negeri-negeri Melayu.

*The initial Anglo-Malay contact was disastrous. British plans to administer Perak were resisted not only by Sultan Abdullah but by almost all the other Malay Chiefs. Besides, the*

<sup>6</sup> David Karta, Perang Beulanda Aceh/ The Atjeh War 1873-1913; Ibrahim Alfian, Perang di Jalan Allah, Perang Aceh 1873-1912, 1987, Pustaka Sinar Harapan, Jakarta, h. 62

<sup>7</sup> Ghazali, Abdullah Zakaria. "Sejarah Malaysia: Sorotan Masa Lalu, Iktibar Hari Ini Dan Akan Datang." *Malaysia Dari Segi Sejarah, Bil. 36, 2008*, (2008). hal. 10.

<sup>8</sup> HC Deb 15 July 1889 vol 338 c398

<sup>9</sup> Ibid.

*first Resident. J.W. Birch, was singularly unsuited for the task. Supremely tactless, contemptuous of Malay susceptibilities, and 'a man in hurray to carry Victorian light to Perak', Birch pushed the Malay Ruler and Chiefs too hard and too fast which culminated in his murder in 1875.*

Korban Birch membuka minda kerajaan British bahawa perlunya dikaji dasar rakus untuk menguasai Negeri-negeri Melayu. Kerajaan British merangka dasar untuk tidak memperlihatkan British mengatasi kuasa raja Melayu dengan menampakkan diri mereka sebagai penasihat raja. Pada tahun 1878 Gabenor Robinson telah mengingatkan kerajaan British:

*The Residents have been placed in the Native States as advisers, not as ruler, and if they take upon themselves to disregard this principle they will most assuredly be held responsible if trouble springs out of their neglect of it.*

Selepas pembunuhan Birch kerajaan British menyedari bahawa kedaulatan Raja-Raja Melayu perlu dikekalkan dan kemudiannya dipertingkatkan ( *enhanced* ) dengan meningkatkan kemewahan dan menjadikan ketua majlis ( *ceremonial Head of State* ). British menebus balik kesalahan yang dibuat mereka ke atas Raja Abdullah. Pembesar Melayu dilantik sebagai Majistret. Raja Mansur dan Raja Chulan kedua-dua anak Raja Abdullah telah dihantar mendapat pendidikan di Malacca High School dan kemudiannya diterima menyertai perkhidmatan pentadbiran British. Pentadbiran British menubuhkan *State Council* yang dipengerusikan oleh Sultan. Bagaimanapun urusannya didominasi oleh Residen yang juga mencalonkan ahli-ahli dan memutuskan agenda. Oleh itu Residen menjadi ketua pentadbiran yang berkuasa, *State Council* membantunya merangka dasar, memberi peluang kepada ahli-ahli Melayu dan wakil orang China terlibat dalam 'kerajaan' yang memberikan asas perundangan/perlembagaan kepada pentadbiran residen. Inilah yang menjadi asas kepada sistem pemerintahan British di Tanah Melayu dengan mengekalkan kuasa Sultan tetapi memainkan peranan yang begitu dominan di belakang tabir.

Permulaan campurtangan British memberi pandangan daripada kerajaan British bahawa kehadiran mereka harus mendapat laluan yang diterima oleh pemerintah khususnya Raja-Raja Melayu. Pihak British menjaga kedudukan Raja-Raja Melayu tetapi dalam masa yang sama menjalankan campurtangan menyeluruh dalam sistem pentadbiran. Dalam perutusan yang dibacakan dalam Dewan Parlimen British, Raja Britain telah bertitah:

*I trust that peace and order are re-established in the Malay Peninsula, and that the Rulers of the Native States will cheerfully accept the recommendations and assistance of my officers for the better government of their territories.<sup>10</sup>*

Kedatangan pihak British ke negeri-negeri Melayu membawa kesan besar kepada kedudukan dan taraf negeri-negeri ini. British menguasai sepenuhnya hal ehwal dalaman dan luar negeri-negeri Melayu. Dengan kata menguasai sepenuhnya pentadbiran di negeri-negeri Melayu.<sup>11</sup> Persoalan besar timbul dalam kalangan para sarjana dan masyarakat awam mengenai sama ada negeri-negeri dijajah ataupun tidak.

<sup>10</sup> HL Deb 15 August 1875 cc1226

<sup>11</sup> Muhammad Kamil Awang, 1998. *The Sultan & the Constitution*. Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 19.

## PENUBUHAN STATE COUNCIL

Pada ketika kedatangan British ke Tanah Melayu, penduduk tempatan belum mempunyai istilah kerajaan dan pentadbiran sepertimana pemakaian pihak Barat kerana 'There was no centralised authority in a Malay State, and no centralised system of taxation'.<sup>12</sup> Perak adalah merupakan negeri Melayu pertama yang menubuhkan *State Council*.<sup>13</sup> Penubuhan *State Council* adalah penting kerana ia adalah merupakan perubahan negeri-negeri Melayu kepada sistem perundangan moden yang mengikut sistem British. Kesediaan Raja-Raja Melayu menerima penubuhan badan ini memberi impak besar kepada sistem pemerintahan beraja kerana sistem pembesar sebagai penasihat Sultan dalam membuat undang-undang negeri digantikan dengan penasihat daripada majlis mesyuarat yang dipengaruhi oleh British.

Adapun penubuhan State Council tidak mengurangkan kuasa sultan. Malahan Council ini dianggap sebagai badan menasihati sultan kerana kuasa perundangan dalam negeri Melayu berada ditangan sultan. *Though all legislation thereafter was by Sultan in Council, there seemed to be nothing to prevent the sultan from enacting laws without its advice or consent. In the absence of a written constitution the position was rather obscure.*<sup>14</sup>

State Council memberi ruang yang lebih besar kepada Raja-Raja Melayu untuk terlibat dalam membuat keputusan terhadap dasar dan peraturan dalam negeri masing-masing. Scharusnya ia mendapat sokongan daripada Raja-Raja Melayu kerana dapat terlibat secara langsung dengan pegawai-pegawai British. Guillemard, antara pegawai yang menyokong dasar Desentralisasi dalam kalangan Persekutuan Tanah Melayu mengatakan dalam *Federated Malay States (FMS) Council* pada 14 December 1925 'the Rulers and their state Councils had taken an active part in the general control of public affairs and in legislation'.<sup>15</sup> Bagaimanapun kebebasan yang dialami oleh Raja-Raja Melayu di Negeri Melayu Bersekutu berakhir apabila penubuhan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1926.

Sehingga tahun 1895, State Council menumpukan kepada tugas-tugas seperti awal penubuhannya terhadap soal berkaitan hal ehwal orang Melayu seperti perlantikan penghulu dan bidang kuasa kadi serta pengesahan hukuman ke atas kes-kes bunuh. Bagaimanapun kemudiannya akibat penambahan keahlian, *State Council* hilang fokus utama tugas mereka. Menjelang 1890, jumlah keahlian dalam *State Council* ditambah melibatkan pegawai-pegawai dalam perkhidmatan tradisional. Perkembangan berlaku di Perak apabila Laksamana, Menteri dan Sri Adika Raja dilantik mengisi jawatan yang lama telah kosong. Perkembangan yang sama berlaku di Selangor apabila Sultan Sulaiman melantik pegawai tempatan untuk mengisi kekosongan yang telah lama berlaku. Pembangkang kepada rejim Sultan Sulaiman iaitu Raja Mahmud, Syed Mahsor dan Raja Bot turut dilantik menjadi ahli *State Council*.<sup>16</sup>

Justeru itu, para Sultan telah menggunakan peluang penubuhan *State Council* untuk menjadi pemerintah yang mengambil tahu perkembangan dasar pentadbiran. Begitulah yang dilakukan oleh Sultan Idris dari Perak, Sultan Abdul Samad dari Selangor. Sebagai contoh Sultan Idris telah menyuarakan ketidak

<sup>12</sup> J.M., Gullick, 1988. *Indigenous political systems of western Malaya*. Berg Publishers; Muhammad Kamil Awang, h. 28

<sup>13</sup> Ernest Chew, (1966). The first state council in the protected Malay States. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 39(1 (209), 182-184.

<sup>14</sup> Muhammad Kamil Awang, (1998), h. 32.

<sup>15</sup> J. M. Gullick, (1992). *Rulers and residents: influence and power in the Malay States, 1870-1920*. Oxford Univ Press, h. 50.

<sup>16</sup> *Ibid.* h. 50-52

senang baginda mengenai kegiatan 'ladang perjudian' yang dianggap baginda sebagai '*improper interference, for which the Pangkor Engagement gave no authority*'.<sup>17</sup>

## PENUBUHAN NEGERI-NEGERI MELAYU BERSEKUTU

Penubuhan negeri Melayu Bersekutu adalah sebuah sistem pentadbiran yang dirancang oleh pihak British. Sebelum 1875 keempat-empat negeri Melayu menjalankan sistem pentadbiran secara berasingan. Sebuah perjanjian telah ditandatangani antara Sultan Perak, Pahang, Selangor dan Yam Tuan Negeri Sembilan dengan Gabenor Negeri-Negeri Selat pada bulan Ogos 1895. Melalui perjanjian ini semua sultan yang terlibat meletakkan negeri-negeri mereka di bawah perlindungan British. Perjanjian ini juga mewujudkan satu jawatan baru iaitu Residen-Jeneral Namun demikian, sultan terus memiliki kuasa dan otoriti dalam negeri masing-masing. Menjelang tahun 1876 keempat-empat negeri disatukan dalam satu sistem pentadbiran yang dinamakan persekutuan. Di bawah sistem persekutuan, pihak British telah merombak sistem pentadbiran tradisional yang ada. Perjanjian Persekutuan membawa kepada kesan sejarah yang besar iaitu kewujudan satu jawatan yang begitu berpengaruh di Tanah Melayu kemudiannya iaitu Residen Jeneral. Kewujudan jawatan Residen Jeneral ini adalah 'as the agent and representative of the British Government under the Governor of the Straits Settlement'.<sup>18</sup> Sultan yang terlibat bersetuju menyediakan kemudahan tempat tinggal dan 'such salary as is determined by Her Majesty's Government, and to follow his advice in all matters of administration other than those touching the Muhammadan religion'.<sup>19</sup>

Perjanjian Persekutuan masih mengiktiraf kedudukan Raja-Raja Melayu. Perkara ini dijelaskan sepertimana yang terkandung di dalam buku *Handbook of The Federated Malay States*, 'Nothing in this Agreement is intended to curtail any of the powers or authority now held by any of the above-named Rulers in their respective States'.<sup>20</sup> Sikap British ini menolak pandangan beberapa sarjana yang mengatakan bahawa kuasa Raja hilang apabila British campurtangan dalam sistem pentadbiran negeri-negeri Melayu.

Pada tahun 1909 sebuah perjanjian baru ditandatangani dengan empat orang Sultan dari negeri-negeri yang berkaitan iaitu Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang. Perjanjian ini mewujudkan *Federal Council* yang diberikan kuasa membuat undang-undang, bertanggungjawab terhadap sebarang perkara yang mempunyai kepentingan British. *Federal Council* mengandungi Pesuruhjaya Tinggi British, Residen Jeneral, empat orang Sultan, empat Residen British dan empat orang ahli tidak rasmi yang dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi. *Federal Council* ini berbeza dengan Persekutuan Tanah Melayu (FMS) terutama dari segi kuasa sultan, 'The rulers had no right not possessed by the other members except that of representation'.<sup>21</sup>

## SISTEM FEDERAL COUNCIL

Pihak pegawai-pegawai British menyusun perubahan sistem pentadbiran British daripada State Council kepada Federal Council. Federal Council yang ditubuhkan pada tahun 1909 cuba menyatukan satu sistem pentadbiran terhadap negeri-negeri FMS. Cabaran utama ialah sikap Raja-Raja Melayu yang lebih selesa dengan State Council. Setiap negeri berpegang kepada undang-undang sendiri. Malahan Hugh

<sup>17</sup> *Ibid.*

<sup>18</sup> H. Conway Belfield, *Handbook of The Federated Malay States*, London, Edward Stanford, 1902, h. 2.

<sup>19</sup> *Ibid.*

<sup>20</sup> *Ibid.*

<sup>21</sup> Muhammad Kamil Awang, (1998), h. 39.

Clifford sendiri berpendapat 'the Malays are an intensely aristocratic peoples' seterusnya menjangkakan 'some unpleasant incident would occur if four Rulers were assembled in this fashion'.<sup>22</sup>

Perlu dibincangkan di sini apakah pembentukan Federal Council pada tahun 1912 mengurangkan kedaulatan Raja-Raja Melayu. Dalam House of Common, *harcourt* menjelaskan kepada ahli dewan mengenai keahlian Federal Council. Menurut beliau:

*The federal Council is composed of the High Commissioner for the Malay States (President), the Chief Secretary to the Government of the Federated Malay States, the Rulers of the four States, the British residents of the four States, and four unofficial members, representing the mining, planting, and general commercial interests, of whom one is Chinese and three are Europeans.*<sup>23</sup>

Penentangan penduduk terhadap British pada tahun 1876, pihak British mengambil keputusan untuk mengambil urusan berkaitan kutipan cukai dan pentadbiran negeri. Langkah ini telah diperluaskan ke Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang.

Bagi memudahkan sistem pentadbiran negeri-negeri Melayu, pihak British telah menubuhkan sebuah badan perundangan negeri. Pada 1877, Sultan Perak berkenan menerima nasihat residen British untuk menubuhkan *State Council*. Penubuhan *State Council* di Perak telah membuka laluan bagi pihak British untuk menubuhkan badan yang sama di Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang. *State Council* pada awal penubuhannya bertujuan menjadi badan penasihat, menasihati pegawai British dalam pentadbiran negeri atas nama sultan. Bagaimanapun badan ini kemudiannya menjadi begitu berpengaruh dalam pentadbiran di negeri-negeri Melayu. Muhammad Kamil Awang mengatakan:

*It came to be essential instrument under the Residential system, and provided a constitutional basis for the government of a protected state administered by British officers but not directly under the Crown.*<sup>24</sup>

*State Council* mengandungi sultan sebagai presiden, Residen British, pembesar dan lain-lain sebagai ahli. Pada kebiasaannya residen British bertindak mencadangkan nama-nama ahli *state council* kepada sultan. Penubuhan badan ini ada kaitan dengan tindakan ahli-ahli parlimen British yang memberikan tekanan kepada pentadbiran British mengenai kaedah pentadbiran mereka di negeri-negeri Melayu. Pentadbiran British sering dikritik kerana dianggap tidak mempunyai pengalaman dan menjalankan dasar yang bertentangan dengan tujuan asal sebagai 'penasihat sultan'.

Pihak British bijak menyembunyi peranan yang dimainkan oleh Pesuruh Jaya Tinggi mereka. Pada dasarnya *Federal Council* telah menentukan bahawa fungsi Pesuruhjaya Tinggi tidak lebih daripada penasihat Sultan. Bagaimanapun ianya tidaklah sebenarnya benar kerana Pesuruhjaya Tinggi berlindung dibelakang *Federal Council* dalam melakukan sebarang tindak tanduk terhadap negeri-negeri Melayu. Penubuhan *Federal Council* sebenarnya telah menamatkan peranan majlis pembesar yang sebelum kedatangan British mempunyai peranan utama menjadi badan penasihat raja. Sebaliknya peranan pembesar kekal dalam bentuk fungsi tradisional dan berperanan penting dalam perlantikan sultan sahaja. Bagaimanapun pihak British mengekal dan menambah baik jawatan penghulu dengan pembukaan konsep pentadbiran mukim.

<sup>22</sup> Gullick, (1992). h. 54.

<sup>23</sup> HC Deb 11 December 1912 vol 45 cc444-5

<sup>24</sup> Muhammad Kamil Awang, (1998), h. 32.



Hubungan baik antara Raja-Raja Melayu dengan kerajaan British menguntungkan London. Sokongan Raja-Raja Melayu juga terhadap keperluan Britain menjadi sebuah empayar kuat dengan mempunyai kekuatan sebagai kuasa laut, 'the rulers of the people of the Federated Malay States desire to offer to His Majesty's Government a first-class armoured ship, and it is resolved that this offer should be made'.<sup>25</sup> Ianya adalah bagi kerajaan Britain membina kapal perang kelas pertama dalam tahun 1912. Pemberian Raja-Raja Melayu adalah dianggap oleh kerajaan Britain sebagai lambang kerjasama dan sokongan mereka kepada kerajaan British. Langkah Raja-Raja Melayu memberi sumbangan wang bagi membina kapal perang British menjadikan kedudukan Raja-Raja Melayu penting kepada kerajaan British di London.

Malahan hubungan baik juga telah menyebabkan Sultan Selangor melalui Persidangan Durbar dalam bulan November 1937 menyatakan keputusan baginda dan Sultan Perak, Negeri Sembilan dan Pahang menghadiahkan kerajaan British kapal terbang sebanyak dua squadron yang mengambil kos sebanyak 2.5 juta Dolar Selat.<sup>26</sup> Ianya adalah jumlah terbesar yang pernah diberi oleh pemerintah tempatan kepada kerajaan kolonial. Sumbangan ini menunjukkan keyakinan Raja-Raja terhadap kerajaan kolonial British dan menjadikan mereka sekutu kuat London.

Perjanjian 1909 dan 1927 memberi kesan besar kepada kedudukan raja. Kedua-dua perjanjian ini sebenarnya bertujuan menghadkan kedaulatan penuh raja dengan cara memindahkan sebahagian daripada kuasa perundangan kepada Federal Council. Bagaimanapun British mengekalkan kuasa perundangan sendiri yang terbatas. Setiap raja berkemungkinan mempunyai kuasa terbatas di negeri masing-masing selagi ianya tidak bercanggah dengan Federal Council. Bermula pada tahun 1909 Raja-Raja Melayu bertaraf *constitutional sovereigns*.<sup>27</sup>

#### KOMITMEN TERHADAP URUSAN KESELAMATAN

Pada 23 Jun 1926 mesyuarat Federal Council Persekutuan Tanah Melayu telah melahirkan keputusan yang diusulkan oleh Sultan Selangor (bersama 3 lagi Sultan) untuk memberi bantuan kewangan sebanyak £2 juta kerajaan British bagi tujuan biaya pertahanan dan membangunkan pangkalan tentera laut di Singapura. Antara lain dinyatakan;

*That the Council approve a contribution of £2,000,000 sterling being offered to the Imperial Government towards the cost of the Singapore Naval Base, such sum to be payable in five annual instalments of £400,000 each. The resolution specified that the offer was made "to facilitate the task of the Imperial Government in proceeding expeditiously with the necessary portions of the scheme as a whole."*<sup>28</sup>

Tindakan Raja-Raja Melayu mendapat pujian daripada Amery, Setiausaha Koloni yang memuji tindakan memberikan bantuan tanpa syarat oleh Raja-Raja Melayu dianggap sebagai *patriotic generosity*. Adapun keputusan Raja-Raja Melayu menghulurkan bantuan kewangan adalah keputusan strategik menjaga keselamatan negeri-negeri Melayu daripada serangan musuh diambang Perang Dunia Kedua.

*I desire to take this opportunity to confirm, on behalf of His Majesty's Government, the expression of our great appreciation, which I have already conveyed to the High*

<sup>25</sup> HC Deb 13 November 1912, vol. 43 cc1981-2

<sup>26</sup> HC Deb 24 November 1937 vol 329 c1210.

<sup>27</sup> Muhammad Kamil Awang, h. 41.

<sup>28</sup> HC Deb 28 June 1926 vol 197 cc783-4

*Commissioner, and of our grateful acceptance, of the generous offer of the Council. As the House is aware, this is not the first time that their Highnesses the Rulers and the people of the Federated Malay States have by their patriotic generosity given evidence both of the loyalty and affection which binds them to the rest of the Empire, and of their far-sighted prudence in realising that the security and prosperity of every part of the Empire rests ultimately on the power of the British Navy and on its freedom to protect our trade routes in every part of the world. The fine spirit which prompted their action, as well as its practical value, will be appreciated in every part of His Majesty's Dominions.*

Soal keselamatan negeri sentiasa diberi perhatian oleh Raja-Raja Melayu. Melihatkan keperluan pelaksanaan menjaga keselamatan dititikberatkan oleh kerajaan British, soal ini sering dibincangkan dalam Durbar. Dalam Durbar yang diadakan pada 1 November 1937, Raja-Raja Melayu telah membicarakan keperluan kerajaan British memberi perhatian serius terhadap soal keselamatan negeri-negeri Melayu. Baginda Sultan Selangor telah menzahirkan persetujuan baginda dan tiga lagi Sultan untuk menampung kos penempatan 2 squadron perkhidmatan tentera udara dengan biaya tidak melebihi 2.5 juta dollar negeri Selat.<sup>29</sup> Langkah para Sultan ini membuktikan bahawa persetujuan menyalurkan kewangan bukanlah bermakna memberi sokongan kepada pihak British tetapi sebaliknya memperlihatkan kepekaan institusi raja terhadap keselamatan dan soal pertahanan tanah Melayu yang menjadi teras kepada kedaulatan negeri-negeri Melayu.

## DISENTRALISASI

Dasar kolonialisasi British di Tanah Melayu dipengaruhi oleh langkah menguasai hasil ekonomi negeri-negeri Melayu. Menjelang tahun 1930-an, kegiatan industri di negeri-negeri Melayu berkembang pesat terutamanya getah dan bijih timah. Sistem pengangkutan darat telah berkembang dengan pesat sehinggakan rangkaian jalan keretapi sejauh 300 batu dan jalan darat sejauh 1500 batu. Perkembangan ekonomi juga telah menyebabkan berlakunya peningkatan jumlah imigran. Langkah pengenalan dasar Disentralisasi meninggalkan tiga kesan utama iaitu pertama, menguatkan kembali bidang kuasa residen British sepertimana sebelum ini. Kedua, mengiktiraf tuntutan politik golongan penduduk bukan Melayu yang tinggal di negeri-negeri Melayu dan ketiga mengurangkan bidang kuasa raja seperti mana yang dinikmati sebelum ini.

Disentralisasi menguatkan kedudukan residen British dan juga perkhidmatan mereka di negeri-negeri Melayu. Terdapat usaha untuk membuka ruang penglibatan orang Melayu dalam pentadbiran. Bagaimanapun orang Melayu hanya diberikan jawatan kecil dan tidak penting.

*The restoration of state's right as the late 1920s and early 1930s was largely fictitious, as the state administrations were still run by British officials responsible to the High Commissioner.<sup>30</sup>*

Berlaku perbalahan pandangan antara pegawai-pegawai British di Tanah Melayu berkenaan dasar Disentralisasi. Idea Desentralisasi lahir daripada cadangan G. Maxwell, Ketua Setiausaha Negeri Melayu Bersekutu pada bulan Oktober 1920 menulis memorandum mencadangkan kuasa perlu dikekalkan di bawah Raja dan Dewan Negeri Negeri Melayu Bersekutu dengan alasan ianya dapat mengurangkan perbezaan pandangan di peringkat kuasa tempatan diantara FMS dan UFMS. Penubuhan sistem

<sup>29</sup> HC Deb 24 November 1937 vol 329 c1210

<sup>30</sup> Muhammad Kamil Awang, (1998), h. 43.

Disentralisasi hasil daripada lawatan Sultan Iskandar pada tahun 1924 ke London menuntut ditutup pejabat Ketua Setiausaha dan juga kuasa otonomi dalam bidang kewangan serta pentadbiran kerajaan negeri.<sup>31</sup> Maxwell berbalah dengan Lawrence Guillemard, Pesuruhjaya British yang bimbang cadangan Maxwell akan menguatkan kedudukan Ketua Setiausaha berbanding Pesuruhjaya British. Perkembangan ini menyebabkan dasar Disentralisasi menjadi kontroversi.<sup>32</sup>

Dasar Disentralisasi tidak mengubah kedudukan Raja-Raja Melayu. Sebaliknya kesan dasar Disentralisasi adalah minimum dan tidak melibatkan peningkatan kuasa raja dalam kerajaan. Semenjak dari awal soal pentadbiran adalah dibawah bidang kuasa residen British dan kakitangannya manakala raja dan *state council* tidak mempunyai bidang kuasa. Kedudukan Raja-Raja Melayu mendapat perhatian kembali apabila Cecil Clementi menjadi Pesuruhjaya British. Clementi mempunyai jiwa yang baik terhadap orang kaum Melayu dan bertindak melindungi orang Melayu dan mengawal perkembangan politik. Sikap Clementi telah menyebabkan hubungan beliau dengan Pejabat Kolonial bermasalah.

Pada 11 Oktober 1930, Clementi mengadakan Durbar dengan Raja-Raja Melayu di Singapura. Tujuh daripada Sembilan orang Sultan Negeri Melayu hadir kecuali Kedah dan Johor yang menghantar wakil. Tujuan diadakan Durbar ialah bagi membolehkan mereka menyelaras keperluan setiap bahagian negeri Melayu menjadi satu bentuk sistem yang dapat melindungi kepentingan kaum Melayu.

Cecil Clementi memberikan perhatian serius terhadap kepentingan Raja-Raja dalam sistem imperialsme. Dalam mesyuarat di Pejabat Kolonial bulan Mac 1931, beliau membuat kenyataan bahawa 'The Rulers were not an anachronism, and that they represented 'a buffer between us and political developments such as have taken place in Ceylon.'<sup>33</sup> Bagaimanapun sewaktu menghadiri Persidangan Kolonial pada tahun 1931, Clementi menghadapi tentangan mengenai usaha beliau kerana ahli-ahli yang hadir beranggapan negeri-negeri Melayu adalah terlalu kecil untuk diadakan berbagai bentuk pentadbiran yang tidak dapat memperkuatkan kedudukan Raja-Raja. Sebaliknya pandangan pegawai Kolonial ialah membentuk satu bentuk sistem pentadbiran berpusat.

Disebalik sikap kebimbangan dalam kalangan pegawai kolonial mengenai peranan Raja-Raja Melayu, Clementi bertekad meneruskan rancangan beliau. Dalam bulan Ogos 1931, Clementi mengadakan sidang Durbar di Sri Menanti, Negeri Sembilan. Dalam persidangan ini, Clementi mencadangkan untuk mengembalikan kuasa *state council* mengawal ruang yang lebih besar perkhidmatan pertanian, pendidikan, perhutanan, perlombongan dan kerjaraya. Bagaimanapun langkah Clementi ini dikritik oleh Pejabat Kolonial. Pejabat Kolonial telah menghantar Samuel Wilson, Penolong Setiausaha Tetap ke Tanah Melayu pada bulan Oktober 1932.

Raja-Raja Melayu bertindak berhati-hati dengan rancangan mewujudkan sistem Persekutuan oleh Clementi. Raja-Raja Melayu juga begitu sensitif dengan sikap pegawai British yang berkhidmat di negeri mereka. Antara Sultan yang sensitif ialah Sultan Ibrahim yang telah menghantar memorandum kepada Setiausaha Kolonial pada 16 Julai 1930 terhadap General Advisers yang dianggap 'arrogating to

<sup>31</sup> Simon C. Smith, *British Relations with the Malay Rulers from Decentralization to Malayan independence 1930-1957*, OUP, Kuala Lumpur, 1995, h.21.

<sup>32</sup> Guillemard telah digantikan oleh Hugh Clifford pada tahun 1927. Sewaktu Clifford, kontroversi Disentralisasi berjaya dipadamkan. Bagaimanapun perkhidmatan Clifford tidak lama kerana beliau sakit. Tempat Clifford telah digantikan Cecil Clementi pada tahun 1930.

<sup>33</sup> CO 717/76, Note of Conference at the Colonial Office, 16 march 1931, no. 72483/1930

themselves Executive powers'.<sup>34</sup> Tindakan Sultan Ibrahim adalah disebabkan kerana baginda sentiasa berpegang kepada kedudukan negeri Johor sebagai sebuah *sovereign state* dan baginda adalah 'a sovereign independent ruler' berasaskan kepada perjanjian dengan pihak British.<sup>35</sup>

Sikap mempertahankan kedudukan Kedah sebagai sebuah negeri bebas dilakukan oleh Tunku Ibrahim, pemangku Sultan kedah. Bagi mempertahankan kedudukan negeri Kedah, Tunku Ibrahim telah meminta jaminan Clementi bahawa usaha pihak British menyatukan pentadbiran negeri-negeri Melayu Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu (NNMTB) dan tidak mengugat kedaulatan Kedah. Sebagai langkah berwaspada Tunku Ibrahim atas nasihat Sultan Ibrahim (Johor) telah merujuk kepada Roland St John Braddell seorang peguam terkemuka di Singapura.

Cadangan radikal Clementi bagi Disentralisasi telah digagalkan oleh tentangan daripada Pejabat Kolonial dan Raja-Raja daripada Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu. Pejabat Kolonial bimbang cadangan Clementi bagi menghapuskan sistem Persekutuan sedia ada dan mengangkat kedudukan Raja-Raja Negeri Melayu Bersekutu tidak akan berkesan serta menjadi dasar tidak popular dalam kalangan orang Eropah dan golongan imigran. Raja-Raja Negeri Melayu Tidak Bersekutu mempertahankan kebebasan/kedaulatan mereka serta menolak sebarang usah yang cuba bersatu dengan negeri-negeri Melayu lain. Cadangan yang dibawa oleh Clementi dalam Persidangan Durbar dalam bulan September 1933 tidak mendapat persetujuan Raja-Raja Melayu. Kegagalan Clementi telah membawa kepada panamatan tugas beliau sebagai Pesuruhjaya British ke Tanah Melayu.

Dasar British yang mengasingkan beberapa sistem di negeri-negeri Melayu memberikan kesan baik bagi mencruskan pertapakan di negeri-negeri Melayu. Kepandaian Sultan Johor Abu Bakar mengelakkan campurtangan sepenuhnya negeri Johor telah mengekalkan kedaulatan Sultan dan negerinya. Melalui Perjanjian 1885, pihak British telah mengiktiraf kemerdekaan negeri Johor tetapi menguruskan hal ehwal luar dan melantik seorang *Consular agent*. Menjelang tahun 1914, perjanjian tambahan yang diadakan, Johor bersetuju menerima seorang pegawai British yang dipanggil sebagai Penasihat Umum (General Advisers). Bidang tugasnya tidak jauh beza berbanding rakan-rakannya di negeri-negeri Melayu yang lain iaitu 'whose advice must be asked and acted upon on all matters affecting the general administration of the country and all questions other than those touching the Malay religion and custom'.<sup>36</sup> Perlembagaan bertulis negeri Johor 1895 meletakkan kedudukan kukuh Sultan sebagai berkuasa penuh dan berdaulat. Ianya menjadi pelindung daripada campurtangan sepenuhnya dasar British ke Johor.

Di bawah perlembagaan bertulis Johor 1895, Sultan atau Maharaja Johor mempunyai kuasa meluluskan sesuatu undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Negeri Johor sebelum ianya menjadi undang-undang, melantik ahli kepada tiga dewan (the Council of Ministers, dewan Perundangan Negeri dan Executive Council) dan ahli-ahli pengadilan (judicial bench). Sultan berkuasa penuh akan menjalankan kuasa dengan nasihat Dewan Perundangan Negeri.

Raja-Raja Melayu tidak pernah menyerahkan kedaulatan mereka kepada mana-mana pihak termasuklah kerajaan British. Dari awal campurtangan British di Perak hinggalah perang dunia kedua, kedudukan dan kedaulatan Raja-Raja Melayu diiktiraf oleh kerajaan British. Dalam beberapa kes mahkamah yang

<sup>34</sup> CO 717/74 no.72427/1930, Memorandum prepared by the direction of H.H. Sir Ibrahim, Sultan of Johore, for submission to His Majesty's Secretary of State for the Colonies (undated); N.J. Whites, *Malay Rulers During the Colonial Period*, h. 89.

<sup>35</sup> CO 717/102 no.33309/1934, 'The Sultan of Johore', Note by Gent, 1 Nov. 1934

<sup>36</sup> The Agreement between the British Government and the State of Johor dated 12 May 1914; Muhammad Kamil Awang, h. 45.

melibatkan Sultan (Kelantan - Duff Development; Pahang - The Consolidated Co. Ltd.) takrifan mahkamah Sultan mempunyai kedaulatan. Pihak Pejabat Tanah Jajahan dalam jawapan bertulis kepada kes mahkamah melibatkan Sultan Kelantan dan syarikat Duff, mengiktiraf kedaulatan Sultan Kelantan.

*Kelantan was independent state in the Malay Peninsula and that the sultan was the present sovereign ruler thereof.*<sup>37</sup>

Kedudukan Sultan di negeri-negeri Melayu adalah jelas berdaulat. Perlantikan penasihat British bertanggung jawab menasihati sultan dalam semua perkara kecuali adat istiadat dan hal ehwal agama Islam. State Council disetiap negeri dipengerusikan oleh sultan negeri masing-masing, membentuk enakmen mengikut perundangan yang sah. Kerajaan dalam setiap negeri Melayu adalah dalam bentuk Ruler in Council.

*The appointment of the British Adviser to the court of the sultan and the constitution of a State Council did have any prejudicial effect on the sovereign power of sultan. The appointment of the Adviser did not confine the sultan's prerogative but merely guided its use by advice, which might or might not be taken.*<sup>38</sup>

## MALAYAN UNION

Usaha British untuk membentuk sebuah sistem pentadbiran baru dipengaruhi oleh kecenderungan untuk mendapatkan sepenuhnya kuasa daripada Raja-Raja Melayu melalui rancangan Malayan Union. Pejabat Kolonial menyedari untuk mencapai cita-cita ini mereka perlu mendapatkan persetujuan daripada Raja-Raja Melayu untuk membentuk perlembagaan bertulis. Oleh itu mereka perlu mendapatkan tandatangan Raja-Raja Melayu menyerahkan kuasa dan kedaulatan mereka kepada Raja British. Perkara dibincangkan oleh pegawai-pegawai pejabat Kolonial dengan begitu teliti terutama jangkakan keengganan Raja-Raja Melayu untuk menerima rancangan Malayan Union. MacMichael yang terlibat dalam perancangan sulit ini telah merangka usaha dilakukan secara paksa. Apabila rancangan ini dirujuk diantara pejabat Kolonial dengan Pejabat India, pandangan Pejabat India ialah usaha ini dianggap paling memalukan dan menasihatkan *'It would be best to cajole or bribe the Rulers...'*<sup>39</sup>

Usaha British melaksanakan rancangan Malayan Union adalah merupakan cabaran terbesar dihadapi oleh keseluruhan Raja-Raja Melayu sepanjang pentadbiran British di Tanah Melayu. Pertama rancangan Malayan Union bertujuan menurunkan kuasa Raja-Raja Melayu. Kedua, kaedah ugutan dan tipu daya digunakan oleh Harold MacMichael adalah menghina kedudukan Raja Raja Melayu. Pada tahap ini, Raja-Raja Melayu diletakkan dalam keadaan *defensive* oleh pihak British terutama bagi mereka yang dianggap menyokong pihak tentera Jepun sewaktu pendudukan Jepun sewaktu Perang Dunia Kedua. MacMichael menggunakan peluang untuk mengancam tidak akan mengiktiraf para Sultan yang dilantik menaiki tahta ketika zaman pentadbiran Jepun. Ugutan dilakukan *'not to recognise the Sultan or pretending Sultan in any State as Ruler of that State, pending Sir Harold MacMichael's arrival'*. Kedudukan Sultan

<sup>37</sup> Muhammad Kamil Awang, (1999), h. 59.

<sup>38</sup> Ibid., h. 63.

<sup>39</sup> S.R. Ashton, 'The India Office and the Malayan Union: the problem of the Indian Princes and its possible relevance for British policy towards the Malay Rulers, 1943-1946', in R.B. Smith and A.J. Stockwell (eds.), *British Imperial Policy and the Transfer of Power in Asia: Documentary Perspectives* (London, 1988), h. 138; Smith, *Malay Rulers During The Colonial Period*, h. 107.

hanya akan ditentukan apabila mereka bekerjasama dengan dasar pihak British. Kerajaan British akan menolak mana-mana Sultan sebaliknya *'in favour of other claimants who would be ready to co-operate'*.<sup>40</sup>

MacMichael yang menyedari kebimbangan dan penolakan Raja-Raja Melayu merancang langkah yang lebih drastik untuk menghadapi tentangan Raja-Raja Melayu. Senjata yang dijumpai oleh MacMichael ialah 'pengiktirafan kerajaan British terhadap Raja-Raja yang menaiki tahta sewaktu zaman pentadbiran Jepun'. Beliau menggunakan helah meragui Raja-Raja yang menaiki tahta pada zaman pentadbiran Jepun serta merca berkolaborasi dengan Jepun. Terdapat hanya empat orang Sultan yang menaiki tahta sebelum kedatangan Jepun iaitu Johor, Perak, Pahang dan Negeri Sembilan.<sup>41</sup>

Penubuhan rancangan Malayan Union sebenarnya adalah merupakan cabaran besar bagi institusi Raja-Raja Melayu kerana kehilangan kuasa. Di bawah Malayan Union, kuasa eksekutif dan legislatif terletak ditangan gabenor. Terdapat dua majlis yang dibentuk iaitu Eksekutif council dan Legislative Council. Dalam Legislatif Council gabenor menjadi Presiden, ketua setiausaha, Peguam Negara, Setiausaha Kewangan/Perbendaharaan dan tujuh orang ahli yang dilantik oleh Raja-Raja Melayu. Dalam melaksanakan kuasa Eksekutif dalam union, kerajaan akan menerima nasihat Majlis Eksekutif. Majlis Eksekutif pula terdiri daripada gabenor sebagai Presiden, ahli-ahli *ex-officio*, ahli-ahli rasmi dan bukan rasmi yang dilantik oleh gabenor. Gabenor mempunyai kuasa eksekutif akan menerima nasihat daripada majlis eksekutif.

Manakala dalam sistem kehakiman, dianggotai oleh Ketua Hakim Mahkamah Agung yang dilantik oleh Raja-Raja atau gabenor atas arahan ratu British. Hakim-hakim juga dilantik oleh gabenor. Kuasa prerogative memberikan pengampunan terletak di tangan gabenor. Keadaan ini menghilangkan kuasa-kuasa sultan atau Raja-Raja Melayu seperti sebelum ini.

Rancangan Malayan Union menghilangkan semua kuasa yang dipegang oleh Raja-Raja seperti sebelum ini. Raja-Raja hilang hak kedaulatan tradisional. Mereka tidak lagi mempengerusikan mesyuarat State Council serta tidak menjadi ahlinya. Mereka hanya tinggal nama sahaja. Mereka mempunyai badan penasihat yang mempunyai kuasa terhadap iaitu dalam hal ehwal agama Islam tanpa diberikan kuasa mengutip cukai. Gabenor berkuasa dalam melaksanakan sistem cukai termasuk dalam hal ehwal agama Islam.

Malayan Union menghilangkan kuasa dan tugas Raja-Raja Melayu seperti sebelumnya. Sultan hanya menjadi ahli dalam Majlis Raja-Raja. Majlis Raja-Raja turut dianggotai oleh gabenor sebagai Presiden, Raja-Raja dan ahli-ahli *ex-officio*. Majlis Raja-Raja tidak mempunyai kuasa Eksekutif dan Legislatif. Jika begitu keadaannya Majlis Raja-Raja hanya menjadi boneka pihak British. Kuasa mutlak raja dalam hal ehwal agama Islam dan adat resam juga ditarik oleh kerajaan Malayan Union.

Penentangan Raja-Raja Melayu terhadap rancangan Malayan Union telah mendapat perhatian ahli-ahli parlimen British. Arthur Creech Jones seorang ahli parlimen British telah membangkitkan tentangan Raja-Raja ini dalam persidangan parlimen di Britain. Jones ketika membangkitkan tentangan Raja-Raja Melayu telah mengatakan:

<sup>40</sup> Minute by Bourdillon, 6 September 1945, CO 273/675, no 50823 dalam Albert Lau, (1991). *The Malayan union controversy 1942-1948*. Oxford University Press, h. 102.

<sup>41</sup> Para Sultan yang mangkat pada zaman pendudukan Jepun ialah Sultan trengganu pada September 1942, Raja Perlis pada Februari 1943, Sultan Kedah pada bulan Mei 1943 dan Sultan Kelantan pada Jun 1944.

*The proposals made by the rulers are concerned with jurisdiction. Summarised, they ask, firstly, that the State Governments should control their own finances and allot money to the Central Government; secondly, that alienation of State land should be a matter for decision by each State Council; thirdly, that the rulers should have control over the decisions of the State Council and over their membership; and fourthly, that the oath of allegiance should be to the ruler in each State and not to the Malayan Union.<sup>42</sup>*

Kumpulan kedua Raja-Raja Melayu memberi perhatian terhadap soal agama. Mereka menentang penglibatan Gabenor dalam hal ehwal agama Islam. Seterusnya golongan ini menuntut Raja-Raja diberikan kuasa sepenuhnya mengawal Majlis Penasihat Melayu di setiap negeri. Kesemua Raja-Raja Melayu jga membangkitkan kebimbangan mengenai dasar kerakyatan di Tanah Melayu.<sup>43</sup>

Perhatian turut diberikan oleh Raja-Raja Melayu berkaitan kuasa Sultan menandatangani sesuatu undang-undang. Mereka menuntut Raja mempunyai hak untuk menandatangani sesuatu undang-undang di negeri masing-masing. Jones juga menyokong tuntutan Raja-Raja Melayu termasuk mendesak kerajaan British menarik keputusan melantik Gabenor mengengrusikan majlis Penasihat Sultan apabila soal berkaitan hal ehwal agama dibincangkan.

Perkara yang sering dibincangkan dalam penentang Malayan union ialah kaedah yang digunakan oleh Harold MacMichael<sup>44</sup> bagi mendapatkan tandatangan Raja-Raja Melayu. Cara yang digunakan oleh MacMichael mengugut raja Melayu adalah dianggap tidak menghormati kedudukan Raja. Bagi pihak Raja-Raja Melayu pula mereka menghadapi dilema akibat ugutan MacMichael. Keadaan ini adalah seperti yang dinyatakan oleh LD Gamman

*The dilemma was that a Malayan ruler would feel, if he did not sign on the dotted line, that he would not be confirmed in his appointment. Sir Harold ought not to have been put in a position where he had to obtain a treaty with the rulers and confirm or appoint five out of nine of them at the same time. As the hon. Gentleman knows, the Sultan of Kedah categorically said that he was told if he did not sign, that he would not be confirmed. The hon. Gentleman wags his head, but I have quoted what the Sultan has stated.<sup>45</sup>*

Sultan kedah telah melaporkan bahawa beliau telah diugut oleh MacMichael;

*This is what the Sultan of Kedah said: I was presented with a verbal ultimatum with a time limit, and in the event of my refusing to sign the new agreement, which I call the Instrument of Surrender, a successor, who would sign it, would be appointed Sultan.*

Sultan Perak mempunyai pengalaman buruk dengan MacMichael. Pada 22 November 1945 MacMichael bersama-sama Newbolt telah bertemu Sultan Perak dan "He said I could sign the agreement if I liked and that the Sultans of Johore, Selangor, Pahang and Negri Sembilan had signed it."<sup>46</sup>

<sup>42</sup> HC Deb 08 March 1946, vol. 420, c644

<sup>43</sup> Ibid.

<sup>44</sup> MacMichael mempunyai latarbelakang pentadbiran colonial yang tidak pernah bertugas di Tanah Melayu. Sebelum ini beliau menjadi Gabenor di Tanganyika (1933-37) dan Pesuruhjaya Tinggi ke Palestine dan Transjordan (1938-44). Beliau mempunyai pengetahuan luas mengenai tanah jajahan dan mempunyai reputasi tinggi di Pejabat Kolonial.

<sup>45</sup> HC Deb 08 March 1946, vol. 420, c651

<sup>46</sup> Ibid, c658

Bagaimanapun Sultan perak menolak gesaan MacMichael dengan alasan memerlukan masa untuk mengkaji daraf perjanjian Malayan Union serta mendapatkan nasihat daripada pembesar. Keesokan harinya MacMichael bersama Newbould bertemu dengan Sultan Perak dan pembesar. Beberapa pembesar menentang Malayan Union manakala selebihnya menyerahkan keputusan kepada Sultan perak dengan syarat cadangan yang dibuat diterima oleh pihak British.

Pengalaman Selangor berhadapan dengan MacMichael juga direkodkan. MacMichael bertemu Sultan Selangor pada 23 Oktober 1945 dan meminta Sultan Selangor menyerahkan kuasa kepada Raja British.

*It would be best for you to surrender your powers to the King. The Sultan of Johore has signed and surrendered his powers. I ask your Highness and the other rulers to give your consent and not to be recalcitrant.<sup>47</sup>*

Yam di-Pertuan Besar Negeri Sembilan ditipu oleh MacMichael. Rombongan MacMichael datang pada 13 November 1945 bertemu Yam Tuan Besar Negeri Sembilan. Perbicangan bersama Yam Tuan dan 5 orang Undang pada 14 November (Dato' Rembau, Dato' Klana, Dato' Jelevu, Dato' Johol, Tunku Besar Tampin). MacMichael menggunakan alasan Sultan Johor, Selangor dan Pahang sudah menandatangani perjanjian dan menggugut ianya akan memudaratkan Negeri Sembilan jika tidak bersetuju.

Sultan Kedah juga menghadapi sikap biadap MacMichael. The Sultan of Kedah, "First he made a strong protest, according to Sir Harold, and finally he signed on the ground that he saw no practicable alternative."<sup>48</sup> Sultan Kedah telah mengutus surat kepada kerajaan British memaklumkan bahawa beliau menandatangani perjanjian kerana diugut oleh MacMichael.

Antara ahli parlimen British yang turut membincangkan mengenai kesesuaian MacMichael mendapatkan tandatangan Raja-Raja Melayu ialah Sir Stanley Reed, Beliau memberi perhatian serius terhadap kaedah MacMichael bertemu raja Melayu.

*When we talk about the apprehension of the Sultans of Malaya there is one thought which goes through my mind. When I think of the rapidity with which Sir Harold MacMichael concluded these agreements, knowing something of Asiatic methods I think he must either be a negotiator of transcendental merit or else he used arguments which are not usually employed in dealing with Asiatic rulers. Nor am I surprised that some of them, if not most of them, have resiled from their engagements. I would ask the House to remember that the Sultans of Malaya, like rulers in other parts of Asia, may have shortcomings, but nevertheless they have their roots deep down in its history. They are racy of the soil and in Malaya they are the custodians of the Islamic faith and of the Malayan way of life. Let nobody underrate the strength and fervour of the Islamic faith either in Malaya or in the other great countries which stretch from the Pacific Ocean to the Atlantic West. I think the Government in the White Paper have underrated this force.<sup>49</sup>*

Soal dalam Malayan Union turut menarik perhatian ahli-ahli politik di England. Antara yang diberi perhatian ialah usaha memberikan kerakyatan kepada bukan Melayu.

<sup>47</sup> Ibid, c659

<sup>48</sup> Ibid, c681

<sup>49</sup> Ibid, c706



*As soon as they begin to advance to self government there is the possibility of domination by one racial majority over another racial minority. Immediately these problems arise. It is quite true, as has been pointed out by so many hon. members, that Malaya was originally a Malayan country, that it is the traditional home of the Malays, and that the Chinese and Indians who have come there have come there in larger numbers, at any rate, in recent years and largely at our invitation. Whatever the history is, the fact remains that we cannot possibly expect large numbers of Chinese and Indians to live for ever as Stateless visitors in the country in which they may have chosen, at our invitation, to make their homes and the homes of their children.<sup>50</sup>*

### PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1948

Terdapat perbincangan sehingga hari ini sama ada Persekutuan Tanah Melayu 1948 mengembalikan kedudukan dan kuasa asal Raja-Raja Melayu. Perkembangan yang berlaku menunjukkan pembentukan Persekutuan Tanah Melayu telah mengembalikan kuasa Raja. Persekutuan Tanah Melayu 1948 membentuk sebuah perlembagaan Persekutuan yang berasaskan perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 di antara Raja British dan Raja-Raja Melayu secara bersama dan juga melalui siri perjanjian antara Raja Britain dengan Raja-Raja Melayu secara individu. Perjanjian ini berkuatkuasa pada 1 Februari 1948 menggantikan Malayan Union. Persekutuan Tanah Melayu membentuk sebuah persekutuan yang terdiri daripada Sembilan buah negeri Melayu, Pulau Pinang dan Melaka dengan sebuah kerajaan persekutuan yang berkuasa.

Perjanjian Persekutuan mengekalkan penguasaan penuh kuasa kerajaan British dalam bidang pertahanan dan hal ehwal luar. Raja-Raja Melayu mengekalkan prerogatif, kuasa dan yuridiksi seperti sebelum kedatangan tentera Jepun.<sup>51</sup> Bagaimanapun kuasa kerajaan persekutuan diberikan kepada Pesuruhjaya Tinggi British yang mempunyai bidang kuasa perundangan dan pentadbiran yang luas. Kuasa-kuasa yang ada pada Pesuruhjaya Tinggi British adalah besar seperti yang dinyatakan oleh Suruhanjaya Reid

*In some respects he acted purely as a representative of His majesty; in other respects he acted in pursuance of authority jointly delegated to him by his Majesty and Their Highness the Rulers.<sup>52</sup>*

Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 membenarkan pembentukan sebuah Persidangan Raja-Raja yang terdiri Sembilan Sultan atau Raja Melayu daripada Sembilan negeri yang dipengerusikan oleh Pesuruhjaya Tinggi British. Bidang kuasa Persidangan Raja ialah "*consider draft legislation, new draft salary schemes or a major reorganization of any department or service of the Federal Government*".

Pesuruhjaya Tinggi British bertanggungjawab menerangkan kepada Raja-Raja dasar kerajaan Persekutuan dalam perkara-perkara penting melibatkan semua negeri dan bagi mendapat pandangan mereka. Dalam masa yang sama adalah menjadi tanggungjawab setiap Raja-Raja memaklumkan Pesuruhjaya Tinggi semua perkara yang pada pandangan Raja-Raja sama ada kondusif atau detrimental kepada kebajikan negeri mereka. Raja-Raja boleh memberikan pandangan terhadap undang-undang atau cadangan yang Council gagal luluskan dalam tempoh masa yang munasabah yang pada pandangan Raja-

<sup>50</sup> Ibid, c711

<sup>51</sup> Muhammad Kamil Awang, (1998), h. 75

<sup>52</sup> Report of the Federation of Malaya Constitutional Commission 1957 (Reid Commission), Colonial 330, Clause 23, h. 11; Muhammad Kamil Awang, (1998), h. 76.

Raja Melayu melibatkan kepentingan awam. Pesuruhjaya Tinggi bertanggungjawab untuk berunding dengan Raja-Raja Melayu dari semasa ke semasa jika ada sebarang perubahan mengenai dasar imigresen oleh kerajaan Persekutuan.<sup>53</sup> Bagaimanapun jika majoriti Raja-Raja Melayu menentang perubahan dasar imigresen, cadangan berkenaan akan dirujuk kepada Dewan Perundangan Persekutuan sama ada untuk diterima atau ditolak.<sup>54</sup>

Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 memberikan kuasa kepada Sultan dalam hal ehwal negeri masing-masing seperti mana yang terkandung dalam perlembagaan negeri. Bagaimanapun bidang kuasanya adalah amat terhad. Kuasa negeri banyak tertumpu kepada hal ehwal Agama Islam dan adat istiadat.

*According to the state constitution the ruler was the legal source of authority in his state, the new state constitution not imposed upon him but drawn up with his consent.*<sup>55</sup>

### CABARAN DURBAR KEPADA MAJLIS RAJA-RAJA

Perubahan kepada sistem pentadbiran di negeri-negeri Melayu mempengaruhi kepada peranan Sultan dalam urusan pentadbiran negeri. Pengenalan State Council dan kemudiannya Federal Council dari satu sudut menghadkan peranan secara langsung Raja-Raja Melayu ke dalam sistem pentadbiran kolonial. Langkah perubuhan badan-badan legislatif ini adalah sebagai usaha kerajaan British mengelakkan campur tangan sepenuhnya Raja-Raja Melayu. Namun demikian kerajaan British memerlukan persetujuan Raja-Raja Melayu dalam sebarang pengenalan undang-undang.

Durbar pertama telah diadakan di Astana Negara di Kuala Kangsar pada 14-17 Julai 1897. Persidangan ini dihos oleh Sultan Idris dari Perak. Semua Sultan dari FMS berangkat hadir iaitu Sultan Abdul Samad (Selangor), Sultan Ahmad (Pahang), Tuanku Muhammad (Negeri Sembilan). Turut hadir ialah residen British iaitu Hugh Clifford (Pahang), J.P. Rodger (Selangor), W.H. Treacher (Perak) serta Frank Swettenham (Residen Heneral) dan Charles Mitchell (Pesuruhjaya Tinggi).



Gambar Durbar Pertama di Astana Negara, Kuala kangsar Perak 14-17 Julai 1897

<sup>53</sup> Muhammad Kamil Awang, (1998), h. 77.

<sup>54</sup> S. W. Jones, (1953). *Public administration in Malaya*. Royal Institute of International Affairs.

<sup>55</sup> Muhammad Kamil Awang, (1998), h. 79

Durbar pertama lebih menumpukan perbincangan terhadap melaksanakan undang-undang Islam bagi kehidupan orang Melayu. Bagaimanapun Durbar pertama digunakan oleh Sultan Idris dan Raja-Raja yang lain membangkitkan rasa keresahan terhadap sistem Persekutuan. Sultan Idris telah mengadakan perbincangan sulit lebih awal dengan Raja-Raja terlibat mengenai rancangan banginda untuk membangkitkan soal pemusatan kuasa dalam sistem FMS yang memberi kesan terhadap kehilangan kuasa dan otoriti setiap Sultan di negeri masing-masing. Swettenham telah mengetahui niat Sultan Idris telah mengatur perbincangan sulit dengan Sultan Idris. Sultan Idris mengatakan pandangan banginda iaitu *'hoped that the Federal Council would strengthen the State Council by a fuller consideration of the State Council's recommendations but he hoped that the federal Council would not curtail the powers of the State Council in matters now within its final decision'*.<sup>56</sup>

Ternyata Swettenham telah berjaya menghalang para Sultan daripada menyuarakan rasa tidak puashati mereka. Clifford sendiri tidak merancang untuk menjadikan Durbar ini acara berkala kerap. Itulah sebabnya Durbar kedua diadakan selepas enam tahun daripada yang pertama iaitu pada 1903. Durbar kedua telah diadakan di Kuala Lumpur.<sup>57</sup>

Raja-Raja Melayu memainkan peranan aktif dalam Durbar kerana inilah organisasi yang membolehkan banginda terlibat secara langsung campurtangan dalam pentadbiran negeri. Dalam Durbar 25 November 1939, Raja Negeri-Negeri Melayu Bersekutu berbincang dengan panjang lebar terhadap perkara yang menjadi perhatian mereka berkenaan kegiatan perlombongan dan kebenaran orang Melayu dalam pembangunan serta tentangan Raja-Raja seperti yang dibawa oleh Sultan Perak kegiatan melombong di kawan tanah Simpanan Melayu dan juga angka yang besar dan membimbangkan imigran Cina.<sup>58</sup>

Durbar dan Mesyuarat raja Raja Melayu digunakan oleh para Sultan sebagai ruang membangkitkan isu-isu yang dikongsi bersama. Para Sultan mengambil keputusan untuk tidak membangkitkan perluasan sistem keretapi dan menyerahkan ianya kepada pihak pentadbiran British. Bagaimanapun soal perjawatan orang Melayu dalam perkhidmatan kerajaan menjadi topik sensitif.<sup>59</sup> Ahli-ahli mesyuarat daripada Residen dan pegawai kanan British menunjukkan rasa kurang selesa apabila Durbar dan Persidangan raja-raja Melayu digunakan oleh para Sultan untuk membangkitkan isu-isu berkaitan dengan pentadbiran negeri masing-masing. Oleh itu mereka terutamanya Swettenham sebenarnya cuba mengelakkan para Sultan membangkitkan sebarang isu pentadbiran dengan menggunakan kaedah mengadakan rundingan sulit.

## KESIMPULAN

Pengalaman institusi Raja-Raja Melayu sewaktu kehadiran pentadbiran British memperlihatkan kedudukan Raja-Raja Melayu yang sering diuji. Pihak British memerlukan sokongan Raja-Raja Melayu bagi membolehkan dasar penjajahan mereka terutama menguasai hasil ekonomi dapat dilakukan tanpa halangan daripada mana-mana pihak. Beberapa pengalaman yang betul-betul mencabar kedudukan institusi Raja-Raja Melayu, antaranya penubuhan Majlis Mesyuarat Persekutuan dan Malayan Union. Namun demikian, kewujudan Durbar dan Majlis Raja-Raja telah memperkukuhkan kedudukan Raja-Raja Melayu. Badan ini menonjolkan kedaulatan berterusan bagi Raja-Raja Melayu. Malahan selepas merdeka Majlis Raja-Raja

<sup>56</sup> Gullick, (1992), h. 65

<sup>57</sup> Ibid.

<sup>58</sup> Proceedings of Durbar held at the Astana [sic] Sri Menanti, on Saturday 25th November 1939, CO 717/ 143/18, Public Record Office (PRO), London dalam Kobkua Suwannathat-Pian, British Colonial Rule, Japanese Occupation, And the Transformation of Malay Kingship 1930s-1957, *New Zealand Journal of Asian Studies* 11, 1 (June 2009), h. 110.

<sup>59</sup> Gullick, (1992), h.61.

menjadi instrumen penting yang melambangkan kedaulatan dan kedudukan tinggi seperti mana yang terkandung di dalam perlembagaan dan Undang-Undang Tubuh Negeri.

Raja-Raja Melayu yang dilantik menaiki tahta negeri masing-masing mempunyai kedaulatan. Kedaulatan ini datangnya daripada janji dan taat setia yang diberikan oleh rakyat yang sudahpun berlaku secara tradisi lagi. Bagi masyarakat Melayu, ketaatan kepada Raja-Raja Melayu diberikan secara simbolik tradisi melalui perjanjian San Saperba dan Demang Lebar Daun seperti yang dicatatkan dalam Sejarah Melayu. Dalam keadaan hari ini kedaulatan Raja-Raja Melayu telah termaktub di dalam Perlembagaan negara. Namun demikian kedaulatan Raja-Raja Melayu sebenarnya masih nyata sewaktu zaman pentadbiran British di Tanah Melayu. Walaupun berlaku pelbagai bentuk perubahan sistem pentadbiran di negeri-negeri Melayu, namun kedudukan Raja-Raja Melayu masih kekal dikemuncak kuasa. Penubuhan Durbar dan Majlis Raja-Raja sebagai satu usaha memperteguhkan kedudukan Raja-Raja Melayu. Walaupun dalam masa yang sama ia juga berbentuk sistem pentadbiran yang memberikan ruang bagi Raja-Raja bertemu dan menzahirkan pandangan.

## RUJUKAN

- Ahmat Adam. 2009. *Letters of Sincerity: The Raffles Collection of Malay Letters (1780-1824), A Descriptive Account with Notes and Translation*. Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society.
- Ashton, S.R. 1988. 'The India Office and the Malayan Union: the problem of the Indian Princes and its possible relevance for British policy towards the Malay Rulers, 1943-1946', in R.B. Smith and A.J. Stockwell (eds.), *British Imperial Policy and the Transfer of Power in Asia: Documentary Perspectives*. London: Lpt.
- Bastin, John. 1954. Raffles and British Policy in the Indian Archipelago, 1811-1816. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 27(1 (165): 84-119.
- Belfield, H. Conway. 1902. *Handbook of The Federated Malay States*. London: Edward Stanford.
- Erneast Chew. 1966. The first state council in the protected Malay States. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 39(1 (209): 182-184.
- Gallop, A. T. 1994. The legacy of the Malay letter. Warisan warkah Melayu. With an essay by EU Kratz. London: British Library for the National Archives of Malaysia.
- Ghazali, Abdullah Zakaria. 2008. Sejarah Malaysia: Sorotan Masa Lalu, Iktibar Hari Ini Dan Akan Datang. *Malaysia Dari Segi Sejarah* 36: 1-23.
- Gullick, J. M. 1988. *Indigenous political systems of western Malaya*. Berg Publishers.
- HANSARD, HC Deb 15 July 1889 vol 338
- Jones, S. W. 1953. *Public administration in Malaya*. Royal Institute of International Affairs.
- Karta, David, Perang Beulanda Aceh/ The Atjeh War 1873-1913 dalam Ibrahim Alfian, Perang di Jalan Allah, Perang Aceh 1873-1912, 1987. Pustaka Sinar Harapan, Jakarta
- Kheng, C. B. 2012. *Red Star Over Malaya: Resistance and social conflict during and after the Japanese occupation, 1941-1946*. NUS Press.
- Lau, A. 1989. Malayan Union Citizenship: Constitutional Change and Controversy in Malaya, 1942-48. *Journal of Southeast Asian Studies*, 20(2), 216-243.
- Miller, W. G. 2010. English country traders and their relations with Malay rulers in the late eighteenth century. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 84(1), 23-45.
- Muhammad Kamil Awang. 1998. *The Sultan & the Constitution*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sadka, E. 1960. The Residential System in the Protected Malay States, 1874-1895. Thesis PhD. Australian National University.

- Smith, S. C. 1994. The Rise, decline and survival of the Malay rulers during the colonial period, 1874-1957. *The Journal of Imperial and Commonwealth History* 22(1): 84-108.
- Smith, Simon C. 1995. *British Relations with the Malay Rulers from Decentralization to Malayan independence 1930-1957*. Kuala Lumpur: OUP.
- Suwannathat-Pian, K. O. B. K. U. A. 2009. British Colonial Rule, Japanese Occupation, and the Transformation of Malay Kinship 1930s-1957. *New Zealand Journal of Asian Studies* 11: 106-31.
- Yeo Kim Wah. British Policy towards the Malays in the Federated Malay States, 1920-40. Ph.D Thesis. Australian National University.